

Jawatankuasa Pemantauan Cukai Barang dan Perkhidmatan Ditubuh Bagi Kelancaran CBP
Bernama
Mei 15, 2014

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) yang akan bermula 1 April tahun depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan akhbar hari ini berkata, jawatankuasa itu akan menyelaras dan memastikan polisi, undang-undang dan peraturan CBP siap dan memantau tahap kesediaan agensi kerajaan dan industri agar pelaksanaannya berjalan lancar.

Ia juga akan berperanan menangani isu dibangkitkan rakyat agar kepentingan dan kebajikan semua lapisan masyarakat diambil kira dan memastikan program komunikasi CBP yang dijalankan adalah berkesan.

Jawatankuasa ini dianggotai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri Kerja Raya dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ia juga dianggotai ketua Setiausaha setiap kementerian tersebut dan Ketua Pangarah Kastam.

Dalam mesyuarat peringkat eksekutif pertamanya Khamis di Kementerian Kewangan yang dipengerusikan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, status pelaksanaan CBP yang dijalankan di Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah dibentangkan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pula telah membentangkan secara lengkap strategi kawalan harga semasa pelaksanaan CBP.

Langkah itu bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan daripada pelaksanaan CBP untuk menaikkan harga atau mengambil keuntungan berlebihan.

Data harga lebih 10,000 barang dari semua kawasan Parlimen akan dikumpul dan dimasukkan ke dalam bank data bagi tujuan perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan CBP dan digunakan sebagai asas penguatkuasaan sekiranya terdapat aduan daripada pengguna.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038498>